

## **Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu Analisis Perbandingan**

Mohd Anuar Mamat<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Tujuan pendidikan merupakan antara elemen penting dalam sesebuah proses pendidikan. Ia berkait rapat dengan usaha ke arah merealisasikan pendidikan yang tepat dan berkualiti kepada para pelajar. Makalah ini menjelaskan tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah berdasarkan beberapa penulisan beliau. Makalah ini mendapati bahawa antara tujuan pendidikan menurut beliau ialah untuk meningkatkan kualiti amalan. Tujuan pendidikan ini adalah selaras dengan tradisi Islam yang bersumberkan al-Qur'ān, al-Sunnah, para Sahabat dan dikembangkan oleh para sarjana Islam bermula daripada kurun pertama Hijrah sehingga kurun ke-11 Hijrah. Analisis tujuan pendidikan menurut para tokoh awal pendidikan Islam seperti makalah ini adalah amat penting supaya hasilnya dapat dijadikan rujukan dan asas dalam membina dan mengembangkan sistem pendidikan dewasa ini.

**Kata kunci:** kualiti amalan, tujuan pendidikan, Abū Ḥanīfah, pendidikan Islam, tokoh pendidikan Islam

### ***Improving the Quality of Deed as Abū Ḥanīfah's Objective of Education: A Comparative Analysis***

### ***Abstract***

*The aim of education is amongst the important elements in the process of education. It is closely related to the effort of realising a quality education and an effective teaching. This article explains the aim of education according to Abū Ḥanīfah based on his treatises. This article finds that the aim of education according to him is to improve the quality of one's deed. This aim is in accordance with the Islamic tradition which is derived from al-Qur'ān, al-Sunnah and the practice of Companions, and it is later on developed by Muslim scholars from the first Islamic century to the 11<sup>th</sup> century of Hijrah. The study of the aim of education as elaborated by earlier Muslim scholars is valuable as a resource in designing and developing contemporary educational systems and practices.*

---

<sup>1</sup> Mohd Anuar Mamat, PhD, adalah Pensyarah di Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. E-mel: anuarmamat@um.edu.my

**Keywords:** *quality of deed, objective of education, Abū Ḥanīfah, Islamic education, figure of Islamic education*

## **Pendahuluan**

Islam mempunyai asas dan sumber kukuh yang terpahat dalam al-Qur'an, al-Sunnah dan warisan agung para sarjana Islam, sama ada berbentuk penulisan ataupun praktis mereka. Sumber ini menjadi panduan terhadap semua perkara termasuklah bidang pendidikan.<sup>2</sup> Salah satu daripada aspek terpenting dan mendasar dalam perbincangan pendidikan ialah persoalan tujuannya, bahkan tidak keterlaluan jika ditegaskan di sini bahawa perbezaan di antara sesuatu falsafah dan amalan pendidikan itu merujuk secara dasarnya, kepada perbezaan tujuan pendidikan yang digariskan. Ini disebabkan tujuan pendidikan akan mempengaruhi segala

---

<sup>2</sup> Sumber ini ditegaskan oleh sejumlah sarjana Islam antaranya, Muḥammad Fādīl al-Jamalī, *Tarbiyyah al-Insān al-Jadīd* (Tunis: al-Sharkah al-Tūnisīyyah li al-Tawzī', 1967), 97 dan 148; A.L. Tibawi, *Islamic Education: Its Traditions and Modernization into the Arab National Systems* (London: Luzac & Company, 1972), 35; 'Abd Raḥmān Šālīḥ, *Educational Theory: a Quranic Outlook* (Makkah: Umm al-Qura University, 1982), 197-9; 'Abd al-Jawwād al-Sayyid Bakr, *Falsafah al-Tarbiyyah fī al-Ḥadīth al-Sharīf* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1983), 53-5; Maḥmūd Qambar, *Dirāsah Turāthīyyah fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (Doha: Dār al-Thaqāfah, 1985), 1:7; 'Alī Khalīl Muṣṭafā Abū al-'Aynayn, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah fī al-Qur'ān al-Karīm*, c.3 (Madinah: Maktabah Ibrāhīm Ḥalabī 1988), 48 dan 132; Muṣṭafā Muḥammad Mutawālī, *Madkhal ilā Tārīkh al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Dār al-Kharrījī, 1992), 161; Muḥammad Aḥmad Jād Šubh, *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah* (Beirut: Dār al-Jayl, 1993), 1:21; Wan Mohd Nor Wan Daud, *Konsep Ilmu dalam Islam*, terj. Rosnani Hashim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994), 60-80 dan mengenai al-Sunnah 80-95; Sidek Baba, *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia* (Shah Alam: Karya Bestari, 2006), 46-51; Muṣṭafā Rajab, *al-I'jāz al-Tarbawī fī al-Qur'ān al-Karīm* (Amman: 'Ālam al-Kutub al-Ḥadīth, 2006), 12-3. Hal ini juga ditegaskan sendiri oleh al-Qur'an, lihat contohnya al-Nisā' (4):165 dan al-Baqarah (2):213. Manakala dalam sebuah riwayat Nabi SAW menegaskan bahawa Baginda merupakan seorang guru kepada seluruh umat Islam, "... sesungguhnya aku diutuskan sebagai seorang guru (*mu'allim*).” Lihat, Muslim bin al-Ḥajjāj, “Šaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Šālīḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 929 (kitab al-Ṭalāq, hadith no. 3690) dan Muḥammad bin Yazīd ibn Mājah, “Sunan Ibn Mājah,” dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Šālīḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 2491 (kitab al-Sunnah, hadith no. 299).

aspek pelaksanaan pendidikan dan menjadi nilai kejayaan prosesnya.<sup>3</sup> Ia juga memberi arah dan pemikiran umum kepada pelaksanaan pendidikan pada pelbagai peringkat termasuk penggubalan polisi dan pembentukan kurikulum.<sup>4</sup>

Tujuan pendidikan merujuk kepada matlamat, hasrat, capaian terakhir dan perubahan umum yang diharapkan daripada segala usaha dan proses pendidikan.<sup>5</sup> Ia mesti dibezakan dengan beberapa istilah lain yang membawa makna tujuan yang lebih spesifik seperti sasaran, objektif dan impak pengajaran.<sup>6</sup> Oleh itu, dalam makalah ini dibincangkan tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah, dengan maksud matlamat, hasrat atau perubahan umum yang disasarkan oleh beliau kepada para muridnya setelah mereka melibatkan diri dalam pendidikan. Untuk menjadikan makalah ini lebih terfokus dan mendalam, hanya satu tujuan pendidikan menurut beliau sahaja dibincangkan iaitu pendidikan bertujuan meningkatkan kualiti amalan seseorang. Analisis elemen ini akan

---

<sup>3</sup> Muḥammad Munīr Mursī, *Falsafah al-Tarbiyyah Ittijāhuhā wa Madārisuhā* (Kaherah: ‘Ālam al-Kutub, 1982), 112; ‘Abd al-Raḥmān al-Naḥlāwī, *Uṣūl al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Asālibihā fī al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama’*, c.2 (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 1987), 106.

<sup>4</sup> ‘Umar Muḥammad al-Tūmī al-Shaybānī, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (Tripoli: al-Sharkah al-‘Āmmah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1975), 281-2. Pengaruh dan kepentingan tujuan pendidikan juga jelas dalam aspek lain pendidikan khususnya dalam pembentukan kurikulum. Ini turut diakui oleh pemikir Barat seperti Ralph Tyler, beliau mengemukakan model kurikulum berasaskan tujuan pendidikan. Perbincangan mengenai perkara ini dinyatakan dalam sebahagian besar bukunya yang bertajuk *Basic Principles of Curriculum and Instruction*, lihat Ralph W. Tyler, *Basic Principles of Curriculum and Instruction* (Chicago: The University of Chicago Press, 1949), 3-62. Lihat juga Mok Soon Sang, *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia* (Puchong: Penerbit Multimedia, 2009), 200-1.

<sup>5</sup> Lihat al-Shaybānī, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, 282; John B. Thomas dan Alan R. Marshall, *International Dictionary of Education* (London: Kogan Page, 1979), 16; Yaakub Isa, *Almanak Pendidikan* (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1996), 353; Luṭfī Barakāt Aḥmad, *al-Mawsū‘ah al-Tarbawiyah* (Kaherah: Maktabah al-Naḥḍah al-Miṣriyyah, 2004), 707-8.

<sup>6</sup> Terdapat pelbagai lagi istilah lain yang berbeza dan hampir sama dengan istilah tujuan pendidikan. Untuk penjelasan tentang definisi istilah-istilah tersebut serta perbezaan antaranya lihat al-Shaybānī, *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, 282-8; Ṣāliḥ, *Educational Theory*, 113-5; Badriyyah Ṣāliḥ ‘Abd al-Raḥmān al-Maymān, *Naḥw Ta’ṣīl Islāmī li Maḥūmay al-Tarbiyyah wa Ahdāfuhā: Dirāsah fī al-Ta’ṣīl al-Islāmī li al-Mafāhīm* (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2002), 647-656.

dikemukakan berdasarkan pemikiran dan karya-karya yang dinukilkan daripada beliau. Tujuan pendidikan ini juga kemudiannya akan dianalisis dan dibandingkan dengan pernyataan pada sarjana Islam sama ada melalui riwayat mahupun dalam karya yang mereka hasilkan.

### Latar Belakang dan Karya Pendidikan Abū Ḥanīfah

Nama penuh Abū Ḥanīfah (m.150H/767M) ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin Zūṭā bin Māh al-Taymī al-Kūfī, atau menurut suatu riwayat lain ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin al-Nu‘mān bin al-Marzubān. Kebanyakan sarjana Islam berpendapat bahawa beliau lahir pada tahun 80H/699M, semasa zaman khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān. Beliau meninggalkan banyak sumbangan asli kepada dunia Islam, termasuklah dalam bidang pendidikan.<sup>7</sup> Terdapat 23 karya yang dinisbahkan kepada beliau.<sup>8</sup> Di samping karya-karya lain, kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* serta beberapa siri *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah* merupakan karya penting beliau dalam bidang pendidikan. Kesemua karya beliau itu adalah sah penisbahannya di sisi para sarjana muktabar seperti Ibn al-Nadīm (m.380H/990M),<sup>9</sup> al-Isfarāyīnī (m.471H/1078M),<sup>10</sup> al-Muwaffaq al-Makkī (m.568H/1172M),<sup>11</sup> Ḥāfiẓ al-Dīn Muḥammad al-Kurdaī (m.827H/11423M),<sup>12</sup> Ḥājī Khalīfah (m.1067H/1656M)<sup>13</sup> dan

<sup>7</sup> Ayman Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz, *al-Turāth al-Tarbawī fī al-Madhab al-Ḥanafī* (Iskandariyyah: Maktabah al-‘Ilm wa al-‘Imān, 2008), 10.

<sup>8</sup> Lihat senarai karya beliau dalam Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya‘qūb Ishāq ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, ed. Yūsuf ‘Alī Tawīl (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996), 343; Muṣṭafā ibn ‘Abd Allāh Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn ‘an Usāmī al-Kutub wa al-Funūn* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1982), 2:1437; Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī al-Bābānī, *Hadiyyah al-‘Arifīn: Asmā’ al-Mu‘allaqīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1955) 2:495; Carl Brockelmann, *Tārikh al-Adab al-‘Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (Kaherah: Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1993), 252; Fuat Sezgin, *Tārikh al-Turāth al-‘Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (Kaherah: Idārah al-Thaqāfah wa al-Nashr bi al-Jāmi‘ah, 1983) 1:32.

<sup>9</sup> Ibn al-Nadīm, *al-Fihrist*, 343.

<sup>10</sup> Abū al-Muzfir al-Isfarāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah ‘an Firqah al-Hālikīn*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (t.tp.: Maṭba‘ah al-Anwār, 1940), 113.

<sup>11</sup> Al-Muwaffaq bin Aḥmad al-Makkī, *Manāqib Abī Ḥanīfah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī 1981), 76 dan 86.

<sup>12</sup> Ḥāfiẓ al-Dīn bin Muḥammad al-Kurdaī, *Manāqib Abī Ḥanīfah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1981), 122.

Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī al-Bābānī (m.1339H/1920M).<sup>14</sup> Al-Isfarāyīnī umpamanya mengatakan bahawa periwayatan karya-karya tersebut adalah boleh dipercayai, dengan jalan yang yakin dan rantaian sanad yang tepat.<sup>15</sup> Bahkan al-Muwaffaq al-Makkī dan al-Kurdarī sendiri ada menukilkan sebahagian teks *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* serta siri *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah* dalam karangan mereka.<sup>16</sup>

Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* memaparkan suatu catatan dialog pengajaran antara Abū Ḥanīfah dengan salah seorang murid beliau iaitu Abū Muṭī‘ (m.197H/812M).<sup>17</sup> Ia memuatkan perbincangan terperinci mengenai persoalan akidah dan perkara-perkara asas agama. Ia juga mengandungi beberapa perbincangan berkaitan beberapa aspek falsafah pendidikan dan pengajaran khususnya persoalan tujuan pendidikan dan kaedah pengajaran. Berdasarkan paparan dialog yang dicatatkan dalam kitab ini, ia jelas menyebut Abū Ḥanīfah sebagai guru. Ini cukup untuk membuktikan bahawa idea dan pemikiran utama yang terkandung dalam kitab ini adalah dari Abū Ḥanīfah. Walaupun mungkin boleh dikatakan bahawa beliau tidak menulis karya ini, namun ia diriwayatkan secara langsung oleh muridnya yang bertindak sebagai pelajar dalam karya ini.<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup> Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Zunun*, 1437.

<sup>14</sup> Al-Bābānī, *Hadiyyah*, 495.

<sup>15</sup> Al-Isfarāyīnī, *al-Tabṣīr*, 113-4.

<sup>16</sup> Lihat al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 76, 86 dan 370-378; al-Kurdarī, *Manāqib*, 159, 365-370.

<sup>17</sup> Beliau ialah al-Ḥakam bin ‘Abd Allāh bin Salamah bin ‘Abd al-Rahmān, dikenali sebagai Abū Muṭī‘ al-Balkhī. Beliau merupakan salah seorang murid Abū Ḥanīfah yang meriwayatkan kitab *al-Fiqh al-Akbar II* dan juga salah seorang nama yang tercatat dalam rantaian perawi kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Beliau meninggal dunia pada tahun 197H ketika berumur 84 tahun. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Mīzān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl*, ed. ‘Alī Muḥammad al-Bajāwī (Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.), 1:574; al-Kurdarī, *Manāqib*, 515; Zayn al-Dīn Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah* (Baghdad: Maṭba‘ah al-‘Ānī, 1962), 87.

<sup>18</sup> Untuk penjelasan lanjut mengenai kitab ini dan pemikiran pendidikan Abū Ḥanīfah lihat Mohd Anuar Mamat, “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran menurut Abū Ḥanīfah (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, Terjemahan dan Analisis,” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

Siri *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah* pula merujuk kepada pesanan yang disampaikan oleh Abū Ḥanīfah kepada para pelajarnya sama ada secara khusus ataupun umum. Antara karya yang bertajuk *Waṣiyyah* ialah *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*,<sup>19</sup> *Waṣiyyah Abū Ḥanīfah li Ibnihī Ḥammād*,<sup>20</sup> *Waṣiyyah Abū Ḥanīfah ilā Tilmīdhihi Yūsuf bin Khālīd al-Samī al-Baṣrī*<sup>21</sup> dan *Waṣiyyah Abū Ḥanīfah fī al-Tawhīd* (kadang-kala pengkaji hanya menyebut *Waṣiyyah* sahaja).<sup>22</sup> Kesemua *Waṣiyyah* tersebut merupakan

---

<sup>19</sup> *Waṣiyyah* ini merupakan pesanan Abū Ḥanīfah kepada pelajarnya secara khusus iaitu Abū Yūsuf. *Waṣiyyah* ini tidak diragukan lagi sebagai karya Abū Ḥanīfah kerana ia disepakati oleh sejumlah sarjana Islam yang berwibawa. Mereka bukan sahaja menjelaskan kewujudan karya ini bahkan menukikan teks tersebut ke dalam karya-karya mereka. *Waṣiyyah* ini juga banyak membincangkan persoalan pendidikan termasuk tujuan pendidikan, adab belajar-mengajar dan tanggungjawab ilmuwan. Lihat al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 370-378; al-Kurdārī, *Manāqib*, 365-370; Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm ibn Nujaym, *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir* (Kaherah: Mu'assasah al-Ḥalabī, 1968), 428-434; Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir al-Tamīmī al-Dārī, *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanafīyyah*, ed. 'Abd al-Fattāh Muḥammad al-Hilw (Riyadh: Dār al-Rifā'ī, 1983), 60-169. Lihat juga Mohd Anuar Mamat, "Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf: Suatu Pengenalan dan Suntingan Ilmiah," dalam *Prosiding Seminar Pemikiran Islam III* (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

<sup>20</sup> Risalah ini adalah wasiat Abū Ḥanīfah kepada anaknya Ḥammād. Ia telah dihuraikan oleh 'Uthmān bin Muṣṭafā yang bertajuk *Zabdah al-Naṣā'ih*. Untuk maklumat dan ulasan terhadap risalah ini lihat Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 261; Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 48.

<sup>21</sup> Teks wasiat ini telah dikemukakan oleh al-Kurdārī dalam karyanya bertajuk *Manāqib Abī Ḥanīfah*. Penulis belum lagi menemui edisi yang telah disunting dan yang telah dicetak. Namun, manuskrip risalah ini telah ditemui oleh penulis di Suleymaniyya Kutuphansi, Istanbul dalam koleksi manuskrip Asir Afendi, no. 437, folio 8A-9A. Untuk maklumat dan ulasan terhadap wasiat ini lihat al-Kurdārī, *Manāqib*, 360-3; Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 261; Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 48.

<sup>22</sup> *Waṣiyyah* ini juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti *Waṣiyyah fī al-Tawhīd*, *Waṣiyyah fī Maraḍih* dan juga *Risālah Naqirū*. Walaupun wujud pelbagai nama yang berbeza, tetapi kandungannya adalah sama, khususnya setelah penulis berpeluang melihat manuskrip asal *Waṣiyyah* ini di Istanbul dan Kaherah. Awalnya, teks *Waṣiyyah* telah dinukilkan sepenuhnya oleh Taqī al-Dīn 'Abd al-Qādir dalam karyanya bertajuk *al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanafīyyah*. Setelah itu, al-Kawtharī pula menyuntingnya dan diterbitkan bersama karya Abū Ḥanīfah yang lain. Selain itu, *Waṣiyyah* juga telah dicetak dan diterjemah ke dalam bahasa Inggeris oleh A.J. Wensick bersama dua karya Abū Ḥanīfah yang lain dalam bukunya *The Development of*

untaian nasihat beliau kepada anak dan pelajarnya setelah mereka tamat pengajian dalam tempoh waktu tertentu dan berhasrat untuk pulang ke negara masing-masing. Kandungannya berkisar mengenai adab guru dan pelajar, tujuan pendidikan, dan tatacara pergaulan dengan masyarakat, manakala *Waṣiyyah Abū Ḥanīfah fī al-Tawhīd* sahaja yang membincangkan tentang persoalan akidah dan prinsip-prinsip Ahli Sunnah Waljamaah secara khusus. Ketika berumur 70 tahun, iaitu pada tahun 150H/767M, Abū Ḥanīfah meninggal di Baghdād.<sup>23</sup>

---

*Muslim Creed.* *Waṣiyyah* ini juga telah dihuraikan oleh empat orang sarjana Islam iaitu Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābartī bertajuk *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, Molla Husayn bin Iskandar al-Ḥanafī bertajuk *al-Jawāhir al-Munīfah fī Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, Imām al-Ḥusūnī bertajuk *Zuhūr al-‘Aṭīyah* dan Nūr al-Dīn Ibrāhīm bin Ḥasan Afendi al-Uskudrāwī bertajuk *Khulāṣah al-Uṣūl*. Lihat al-Tamīmī, *Ṭabaqāt al-Saniyyah*, 156-160; Abū Ḥanīfah, “*Waṣiyyah*,” dalam *al-‘Alim wa al-Muta‘allim*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 76-9; A.J. Wenstick, *The Muslim Creed: Its Genesis and Historical Development* (London: Frank Crass & Co., 1965), 125-187; Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābartī, *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, ed. Muḥammad Ṣubḥī al-‘Āyidī dan Hamzah Muḥammad Waṣīm al-Bakrī (Amman: Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2009). Lihat juga Mohd Anuar Mamat, Basri Husin dan Mohd Manawi Mohd Akib, “Prinsip-prinsip Ahli al-Sunnah dan al-Jama‘ah: Pengenalan dan Terjemahan Melayu *Wasiyyah* Imam Abū Ḥanīfah,” (Makalah Sisipan, Seminar Kebangsaan Pemikiran Islam II, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20-21 Julai 2010).

<sup>23</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai biografi Abū Ḥanīfah lihat Muhammad ibn Sa‘ad al-Baghdādī, *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 6:368-9; Abū ‘Abd Allāh Husayn bin ‘Alī al-Ṣaymarī, *Akhbār Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābuh*, c.2 (t.tp.: ‘Ālam al-Kutub, 1985); Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Barr al-Namarī, *al-Intiqā’ fī Faḍā’il al-Thalāthah al-‘Immah al-Fuqahā’* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.); al-Mubārak bin Muḥammad al-Shaybānī, *al-Mukhtār min Manāqib al-Akhyār li Ibn Athīr*, ed. Ma‘mūn al-Sāghirjī, ‘Adnān ‘Abd Rabbih dan Muḥammad Adīb al-Jādīr (Dubai: Markaz Zāyid li al-Turāth wa al-Tārikh, 2003), 87-105; Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad ibn Khallikān, *Wafayāt al-A’yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, ed. Iḥsān ‘Abbās (Beirut: Dār al-Thaqāfah, 1969), 5:405-415; Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj Yūsuf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl*, ed. Bashshār ‘Iwād Ma‘rūf (Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, 2002), 29:418-445; Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar al-‘Ālām al-Nubalā’*, ed. Shu‘ayb al-Arnout dan Husayn Asad, c.11 (Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, 1996), 6:390-403; ‘Abd Allāh bin As‘ad al-Yāfi‘ī, *Mir‘āt al-Jinān wa ‘Ibrat al-Yaqazān fī Ma‘rifat mā Yu‘tabar min Ḥawādith al-Zamān*, ed. Khalīl Manṣūr (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 1:242-5; al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 370-378; al-

## **Meningkatkan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan Abū Ḥanīfah**

Tujuan pendidikan menjadi aspek yang diberi perhatian Abū Ḥanīfah dalam karya dan pengajarannya. Dalam kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* misalnya, Abū Ḥanīfah menjelaskan hal ini pada permulaan pengajaran beliau. Hal ini membuktikan keprihatinan Abū Ḥanīfah terhadap isu ini, juga kesedaran beliau tentang kepentingannya dalam pendidikan. Persepsi ini bertepatan dengan perbincangan falsafah pendidikan yang menekankan kepentingan tujuan pendidikan kerana ia bertindak sebagai asas yang akan mempengaruhi segala aspek pendidikan yang lain.

Abū Ḥanīfah menjelaskan tujuan pendidikan melalui pandangan beliau terhadap kedudukan ilmu dan amalan yang berkait rapat antara satu sama lain. Mengenai hal ini, Abū Ḥanīfah mengatakan,

Sebaik-baik pandangan kamu dalam pencarian kamu [itu] sesuatu yang akan membantu kamu. Ketahuilah, bahawa sesuatu perbuatan itu menuruti [panduan] ilmu sebagaimana anggota badan menuruti [panduan] penglihatan. Maka sesungguhnya ilmu [yang] disertai [dengan] perbuatan yang sedikit adalah lebih bermanfaat [berbanding] kejahilan [yang] disertai perbuatan yang banyak. Ia seumpama bekalan yang sedikit yang sememangnya diperlukan dan jelas kegunaannya (*ma‘a al-hidāyah bihā*) ketika bermusafir [adalah] lebih bermanfaat berbanding bekalan yang banyak pada mereka yang tidak tahu menggunakannya (atau tidak tahu keperluannya). Kerana itulah, Allah Taala berfirman [yang bermaksud], “Katakanlah lagi [kepadanya], ‘Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak

---

Kurdārī, *Manāqib*, 365-370; Aḥmad bin ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, ed. Ibrāhīm Zaybaq dan ‘Ādil Murshid (Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, 2001), 4:229-231; ‘Abd al-Ḥayy bin Aḥmad al-Ḥanbalī, *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 1:382-4; Th. W. Juynboll, “Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān,” dalam *Dā‘irah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah*, terj. Ibrāhīm Zakī Khurshid Aḥmad al-Shintāwī dan ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1933), 1:330-1; J. Schacht, “Abū Ḥanīfa an-Nu‘mān,” dalam *The Encyclopedia of Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1979), 1:123-4; H.A.R. Gibb dan J.H. Kramers, “Abū Ḥanīfa,” dalam *Shorter Encyclopedia of Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1974), 9-10.



mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.”<sup>24</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas dapat dikeluarkan idea dan pemikiran mengenai tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah. Tujuan ini kemudiannya dijelaskan juga oleh beberapa kenyataan lain yang dikemukakan pada perbincangan seterusnya di bawah. Dalam kenyataan Abū Ḥanīfah di atas, beliau mengemukakan dua kias. Kias yang pertama membandingkan antara ilmu dengan mata dari sudut peranannya, kerana ilmu dan mata berperanan sebagai panduan kepada amalan atau anggota manusia. Kias yang kedua pula adalah antara ilmu dan kejahilan, yang mana ilmu diibaratkan seumpama bekalan yang bermanfaat lagi diketahui kemanfaatan dan penggunaannya (*zād ma'a al-hidāyah bihā*), manakala kejahilan pula diibaratkan seperti bekalan yang tidak bermanfaat disebabkan seseorang itu tidak mengetahui manfaat dan penggunaannya.

Dari sini, kepentingan ilmu yang seterusnya membawa kepada peningkatan amalan berkualiti dapat difahami. Kias yang pertama menjelaskan ilmu bertindak sebagai panduan kepada amalan sebagaimana mata berperanan memandu anggota yang lain. Ilmu yang dimaksudkan dalam kias ini pastinya suatu ilmu yang disertai kefahaman yang mendalam dan mencapai tahap kualiti yang meyakinkan, kerana ilmu yang terasing daripada kefahaman tidak akan mampu menjadi pemandu dan penentu kepada kualiti amalan seseorang.

Justeru, menurut kefahaman Abū Ḥanīfah, ilmu yang diperolehi itu akan menuntun dan menjadi panduan kepada setiap amalan. Hubungan ilmu dan kualiti amalan adalah seumpama mata yang menjadi panduan kepada anggota badan lain, yang mana kesemua anggota itu bergantung kepada penglihatan mata untuk melakukan sebarang pergerakan. Demikian pentingnya ilmu kepada kualiti amalan sebagaimana pentingnya penglihatan kepada pergerakan seseorang. Dengan itu, kualiti amalan akan mampu dipertingkatkan apabila ilmu dan kefahaman yang tepat diperolehi. Amalan yang berteraskan ilmu dan kefahaman sebegini

---

<sup>24</sup> Lihat jawapan Abū Ḥanīfah terhadap soalan pertama. Abū Ḥanīfah al-Nu'man bin Thabit, *al-'Ālim wa al-Muta'allim*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 11.

adalah lebih berkualiti dan bermanfaat berbanding amalan yang dilakukan tanpa ilmu, walaupun ia dilakukan dalam kuantiti yang sedikit.<sup>25</sup> Peningkatan kualiti amalan inilah yang ditegaskan dan disarankan oleh Abū Ḥanīfah sebagai antara tujuan pendidikan yang perlu dicapai oleh setiap pelajar di samping pemerolehan ilmu yang benar lagi tepat.

Meningkatkan kualiti amalan sebagai antara tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah ini sebenarnya adalah selaras dengan tujuan ilmu itu sendiri, kerana Abū Ḥanīfah, sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Zarnūjī (m.620H/1223M), menegaskan bahawa “tidak ada ilmu melainkan untuk beramal dengannya.”<sup>26</sup> Penegasan ini juga selaras dengan konsep ilmuwan dalam Islam kerana seseorang ilmuwan dalam Islam bukan hanya merujuk kepada seseorang yang memiliki ilmu, tetapi konsep ilmuwan juga merujuk kepada seseorang yang bertindak atau melakukan sesuatu amalan sesuai dengan ilmunya.<sup>27</sup> Ini bermakna seseorang itu tidak digelar sebagai ilmuwan sebenar jika dilihat kepada ilmu yang dimilikinya sahaja, namun ia tertakluk kepada sejauh manakah dia mampu merealisasikan ilmunya itu dalam setiap amalannya. Oleh yang demikian, tujuan pendidikan yang diusahakan dan diketengahkan oleh Abū Ḥanīfah ini bukanlah sekadar untuk membekalkan ilmu dan kefahaman yang tepat semata-mata, malah ia turut tertumpu kepada memastikan berlakunya peningkatan kualiti amalan seseorang murid.

Selain itu, dalam sebuah riwayat yang lain, Abū Ḥanīfah menyatakan bahawa ilmu adalah seumpama kepala dalam ibadat seseorang dan ia perlu diberi perhatian khasnya bagi meningkatkan kualitinya. Shaqīq bin Ibrāhīm (m.194H/809M)<sup>28</sup>

---

<sup>25</sup> Abū Ḥanīfah, *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, 11.

<sup>26</sup> Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, *Ta‘līm al-Muta‘allim Ṭarīq al-Ta‘allum*, ed. Muṣṭafā ‘Ashūr (Kaherah: Būlāq, 1986), 32; Ismā‘īl bin ‘Uthmān al-Bāzārī, *Tafhīm al-Mutafahhīm Sharḥ Ta‘līm al-Muta‘allim* (Makhachkala: Dār al-Risālah, t.t.), 52.

<sup>27</sup> Dipetik daripada Wan Mohd Nor, *Konsep Ilmu*, 114.

<sup>28</sup> Beliau ialah Abū ‘Alī Shaqīq bin Ibrāhīm al-Balkhī, salah seorang *shaykh* tawasuf terkenal di Khurasan. Beliau merupakan murid kanan kepada Ibrāhīm bin Adham dan antara murid beliau ialah Ḥātim bin al-Aṣam, al-Ḥusayn bin Dāwūd al-Balkhī dan sebagainya. Beliau meninggal dunia dalam peperangan Kūlān pada tahun 194H. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān*, 2:475-6; al-Dhahabī, *Siyar*, 9:313-6.

meriwayatkan bahawa Abū Ḥanīfah berkata kepada Ibrāhīm bin Adham (m.162H/778M),<sup>29</sup>

Wahai Ibrāhīm, sesungguhnya kamu diberi rezeki dengan ibadat yang soleh, maka jadikanlah ilmu sebagai perhatian kamu, sesungguhnya ilmu itu seumpama kepala dalam ibadat dan ia akan membetulkan urusan kamu (iaitu kualiti amalan kamu).<sup>30</sup>

Seterusnya dalam *al-Fiqh al-Absaṭ*, Abū Ḥanīfah menyatakan bahawa,

Seseorang yang memahami secara mendalam dan tepat (*yatafaqqah*) tentang cara bagaimana untuk beribadat kepada Tuhan adalah lebih utama daripada mereka yang hanya mengumpulkan ilmu yang banyak.<sup>31</sup>

Kedua-dua kenyataan di atas menunjukkan betapa pendidikan yang mampu meningkatkan kualiti amalan adalah lebih utama berbanding dengan pendidikan yang hanya menumpukan kepada aspek pengumpulan ilmu dan maklumat semata-mata. Kualiti amalan itulah yang diberikan perhatian utama oleh beliau dan ia ditegaskan sebagai salah satu daripada tujuan pendidikan.

---

<sup>29</sup> Beliau ialah Ibrāhīm bin Adham bin Manṣūr al-‘Ijlī, dikenali sebagai Abū Ishāq al-Balkhī al-Zāhid. Beliau merupakan *shaykh* tawusuf terkenal dalam sejarah Islam, dilahirkan pada awal kurun kedua Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 162H. Beliau mempunyai ramai murid yang juga terkenal dalam disiplin Tasawuf seperti Shaqīq al-Balkhī, Sufyān al-Thawrī, Ḍamrah bin Rabī‘ah dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān*, 1:31-2; al-Dhahabī, *Siyar*, 7:387-396 dan Ahmad bin ‘Ali ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, ed. Ṣalāh al-Dīn bin ‘Abd al-Mawjūd (Mansurah: Dār Ibn Rajab, 2004), 42.

<sup>30</sup> Al-Muwaffaq al-Makkī, *Manāqib*, 350; Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad ibn Ḥajar al-Haytamī, *al-Khayrāt al-Hisān fī Manāqib al-Imām al-A‘zam Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān*, ed. Muḥammad Nūr al-Dīn Marbū Banjar al-Makkī (Kaherah: Majlis al-Banjārī li al-Tafaqquh fī al-Dīn, 1997), 196. Lihat juga Wahbī Sulaymān Ghāwījī al-Albānī, *Abū Ḥanīfah: Imām A‘immah al-Fuqahā’*, c.2 (Beirut: Dār al-Qalam, 1978), 152.

<sup>31</sup> Lihat Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān bin Thābit, “al-Fiqh al-Absaṭ,” dalam *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 41; dan juga Hans Daiber, *The Islamic Concept of Belief in the 4<sup>th</sup>/10<sup>th</sup> Century: Abū al-Layth al-Samarqandī’s Commentary on Abū Ḥanīfah al-Fiqh al-Absaṭ, Introduction, Text and Commentary* (Tokyo: Tokyo University of Foreign Studies, 1995), 51.

Hubungan erat antara ilmu dan peningkatan kualiti amalan ini sebenarnya juga ditegaskan dalam beberapa ayat al-Qur'an seperti Āli 'Imrān (3):188, al-Kahf (18):10, al-Şaff (61):2-3,<sup>32</sup> dan sebagainya. Berdasarkan sabda Nabi SAW pula, aspek kualiti amalan dan hubungannya dengan ilmu juga diberi perhatian. Baginda mencela dan memberi amaran terhadap penyimpangan niat dalam menuntut ilmu, iaitu ilmu yang bertujuan mencari manfaat dunia, bertujuan bermegah-megah dan ilmu yang tidak membawa kepada amalan untuk mencapai keredaan Allah SWT.<sup>33</sup> Nabi SAW juga pernah berdoa yang bermaksud,

Ya Allah, manfaatkanlah diriku apa yang engkau ajarkan, ajarkanlahku perkara-perkara yang bermanfaat bagiku dan tambahkanlah ilmuku.<sup>34</sup>

Ilmu yang bermanfaat itu mestilah merujuk kepada ilmu yang berguna dan mampu mendorong kepada amalan yang berkualiti. Nabi SAW juga menegaskan bahawa kualiti amalan bukan sahaja akan berkurangan, malah ia tidak sah kecuali dengan adanya ilmu dan kefahaman. Dalam sebuah kisah lain, Baginda juga pernah mengarahkan salah seorang Sahabat r.a. mengulangi solat yang dilakukan kerana ia dilaksanakan tanpa ilmu yang tepat.<sup>35</sup> Semua ini menggambarkan hubungan antara ilmu dan kualiti amalan seseorang. Oleh itu, pendidikan bukan sahaja terhad untuk mendapatkan ilmu bahkan juga bertujuan meningkatkan kualiti amalan seseorang.

---

<sup>32</sup> Dalam Āli 'Imrān (3):188, Allah melarang manusia bersangka bahawa hanya dengan ilmu dan pujian orang ramai akan menyelamatkan mereka daripada azab, bahkan mereka tidak terlepas daripadanya melainkan dengan amalan yang berkualiti. Dalam al-Kahf (18):10 pula, Allah menegaskan bahawa hanya orang yang beriman dan beramal soleh (kualiti) sahaja akan mewarisi syurga. Manakala dalam al-Şaff (61):2-3, Allah menegaskan sangat besar kemurkaan Allah kepada mereka yang hanya pandai berbicara tetapi tidak lakukan apa yang dikatakan. Oleh itu, beberapa contoh ayat-ayat ini menjelaskan peranan amalan soleh/berkualiti dan hubungannya dengan ilmu adalah sangat erat.

<sup>33</sup> Lihat Muslim, "Şahīḥ Muslim," 1018 (no. hadith 4923); Ibn Mājah, "Sunan Ibn Mājah," 2492-3 (no. hadith 252, 253, 254). Lihat juga Aḥmad bin 'Alī al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Iqtīdā' al-'Ilm al-'Amal*, ed. Muḥammad Nāşir al-Dīn al-Albānī (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1969), 64-7.

<sup>34</sup> Ibn Mājah, "Sunan Ibn Mājah," 2492 (Kitāb al-Sunnah, no. hadith 251).

<sup>35</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Muslim dan Abū Dawūd. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, "Şahīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Şarīf*, ed. Şāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 60 (kitab al-Ādhān, no. hadith 757).

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa meningkatkan kualiti amalan seseorang merupakan salah satu daripada tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah. Tujuan pendidikan ini adalah selaras dengan al-Qur'an dan al-Sunnah, yang dalam masa yang sama turut menegaskan bahawa kualiti amalan itu bergantung kepada ilmu seseorang. Justeru, aspek kualiti amalan ini tidak sepatutnya diabaikan, bahkan ia mestilah ditegaskan sebagai antara tujuan pendidikan.

### **Pandangan Sarjana Islam terhadap Peningkatan Kualiti Amalan sebagai Tujuan Pendidikan**

Salah satu tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah sebagaimana yang dikemukakan dalam perbincangan di atas ialah untuk mempertingkatkan kualiti amalan seseorang. Tujuan ini adalah rumusan daripada pandangan beliau tentang ilmu dan amalan, yang mana kualiti amalan itu bergantung kepada ilmu seseorang. Beliau menjelaskan, di samping pendidikan itu bertujuan memperoleh ilmu dan kefahaman, ia juga bertujuan memperbetulkan amalan dan meningkatkan kualitinya selaras dengan ilmu yang diperoleh. Justeru, hubungan erat antara ilmu dan amalan adalah jelas di sisi Abū Ḥanīfah dan pencapaian kepada amalan yang berkualiti juga ditegaskan sebagai antara tujuan pendidikan.

Para Sahabat Nabi SAW dan sarjana Islam sama ada sebelum mahupun selepas Abū Ḥanīfah turut memberi perhatian terhadap peningkatan kualiti amalan melalui ilmu serta hubungan di antara keduanya. 'Alī bin Abū Ṭālib mengatakan,

Wahai orang yang mempunyai ilmu, amalkanlah ilmu tersebut, sesungguhnya orang yang alim itu adalah orang yang beramal dengan apa yang dia ketahui dan amalannya selaras dengan ilmunya.<sup>36</sup>

Di samping itu, Mu'ādh bin Jabal (m.18H/639M) mengatakan bahawa "ilmu adalah ketua, manakala amalan adalah pengikutnya."<sup>37</sup> 'Abd Allah bin Mas'ūd (m.32H) pula

---

<sup>36</sup> Lihat 'Abd al-Bāsiṭ bin Mūsā al-'Almawī, *al-Mu'īd fī Adab al-Muḥīd wa al-Mustaḥīd*, ed. Marwān al-'Aṭīyyah (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 2004), 57.

<sup>37</sup> Hadith ini merupakan hadith *mawqūf* kepada Mu'ādh dan diriwayatkan oleh Ibn 'Abd al-Barr, Abū Nu'aym dan al-Khaṭīb. Terdapat segolongan sarjana

mengatakan, “belajarlah kamu, apabila kamu telah mengetahui maka hendaklah kamu beramal dengannya.”<sup>38</sup> Seterusnya, Abū Hurayrah (m.57H/676M) pula mengatakan bahawa “manusia yang berat azabnya ialah orang yang alim tetapi tidak mengamalkan ilmunya.”<sup>39</sup> Nukilan-nukilan ini menunjukkan bahawa pendapat Abū Ḥanīfah berkenaan kualiti amalan dan hubungannya dengan ilmu ini telah dinyatakan oleh sejumlah Sahabat r.a. sebelum beliau.

Seterusnya pada kurun berikutnya iaitu generasi Tabiin dan Tabi Tabiin juga menyatakan hal yang hampir sama. Al-Ḥasan al-Baṣrī (m.110H/728M)<sup>40</sup> contohnya, menyatakan bahawa orang yang alim dan tidak beramal adalah seperti orang yang berjalan tanpa laluan yang betul, manakala orang yang beramal tanpa ilmu pula lebih banyak merosakkan daripada memperelok, maka beliau menyeru ummah agar menuntut ilmu yang tidak memudaratkan ibadah dan agar beribadah yang tidak memudaratkan ilmu.<sup>41</sup> Sufyān al-Thawrī (m.161H/777M) juga menyatakan bahawa pendidikan hendaklah diseimbangkan antara memperoleh ilmu dan mengamalkannya, dengan kedua-duanya tidak sepatutnya dipisahkan.<sup>42</sup> Selain mereka, Idrīs al-Shāfi‘ī (m.204H/819M)<sup>43</sup>

---

yang mengiktiraf hadith ini sebagai hadith *marfū‘*, namun pengiktirafan itu adalah tidak tepat. Lihat komentar mengenai hadith ini dalam Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Rasūl wa al-‘Ilm*, c.2 (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006), 14.

<sup>38</sup> Dipetik daripada ‘Abd al-Ghanī al-Dīqr, “‘Abd Allāh bin Mas‘ūd,” dalam *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 1:86.

<sup>39</sup> Lihat Sharaf al-Dīn al-Nawāwī, *Muqaddimah al-Imām al-Nawāwī li Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab*, ed. Muḥammad Muḥammad Yūsuf Tāmir (Aḥuzah: Maktabah al-Imān, t.t.), 53.

<sup>40</sup> Beliau ialah al-Ḥasan bin Abī al-Ḥasan Yasār al-Baṣrī, juga dikenali sebagai Abū Sa‘īd maula Zayd bin Thābit. Beliau merupakan seorang tabiin yang terkenal dengan keilmuan dan kezuhudan. Beliau meninggal dunia di Basrah pada bulan Rejab tahun 110H. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A‘yān*, 2:69-73; al-Dhahabī, *Siyar*, 4:563-588.

<sup>41</sup> Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Barr al-Namarī, *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 1:136. Lihat juga Mājid ‘Irsān al-Kīlānī, *Ṭaṭawwur Maḥḥūm al-Naḥariyyah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, c.2 (Madinah: Maktabah Dār al-Turāth, 1987), 76.

<sup>42</sup> Dipetik daripada nukilan al-Kīlānī, *Ṭaṭawwur Maḥḥūm*, 92.

<sup>43</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Idrīs bin ‘Abbās bin Shāfi‘ī, juga digelar Abū ‘Abd Allāh. Beliau dilahirkan pada tahun 150H dan meninggal dunia pada tahun 204H. Beliau merupakan sarjana yang mahir dalam pelbagai bidang

juga ada menegaskan bahawa ilmu itu bukanlah apa yang dihafaz, tetapi apa yang dimanfaatkan.<sup>44</sup> Ilmu yang dimanfaatkan itu tentunya ilmu yang akan meningkatkan kualiti amalan dan ibadat seseorang. Semua kenyataan ini menunjukkan hubungan antara ilmu dan kualiti amalan dan ia selaras dengan pandangan Abū Ḥanīfah.

Berikutnya sarjana kurun ke-3H, seperti Saḥnūn (m.240H/854M)<sup>45</sup> dan anaknya Muḥammad bin Saḥnūn (m.256H/869M)<sup>46</sup> menyatakan bahawa terdapatnya hubungan erat antara kualiti amalan dengan ilmu seseorang. Saḥnūn umpamanya mengatakan, “sesiapa yang tidak beramal dengan ilmunya, maka ilmu itu tidak akan bermanfaat kepadanya, bahkan ia akan memudaratkannya.” Beliau seterusnya menjelaskan,

---

khasnya usul fiqah, fiqah, hadith dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A'yān*, 4:163-9; al-Dhahabī, *Siyar*, 10:5-99; Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, 421. Untuk melihat pemikiran pendidikan beliau, lihat ‘Abd al-Ghanī al-Dīqr, “al-Imām al-Shāfi‘ī,” dalam *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 1:199-218.

<sup>44</sup> Lihat Badr al-Dīn Muḥammad bin Ibrāhīm ibn Jamā‘ah al-Kinānī, *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fī Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn (Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyyah li al-Kitāb, t.t.) 75 dan 79; al-‘Almawī, *al-Mu‘īd fī Adab*, 83. Lihat juga al-Dīqr, “al-Imām al-Shāfi‘ī,” 213.

<sup>45</sup> Beliau ialah ‘Abd al-Salām bin Sa‘īd bin Ḥabīb al-Tanūkhī, dilahirkan pada tahun 160H dan meninggal dunia pada tahun 240H. Beliau merupakan seorang *thiqah* dan banyak menghafal hadith (*ḥāfiẓ*). Pendapat beliau mengenai pendidikan banyak dinukilkan oleh anak beliau iaitu Muḥammad dalam karyanya *Ādāb al-Mu‘allimīn*. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat Shādhilī al-Faytūrī, “Ārā’ al-Imāmayn Saḥnūn wa Ibnihī Muḥammad fī al-Tarbiyyah,” dalam *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 1: 221-230.

<sup>46</sup> Beliau ialah Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd al-Salām bin Sa‘īd bin Ḥabīb al-Tanūkhī, dilahirkan di Qayrawān pada tahun 202H dan meninggal dunia pada tahun 256H. Beliau merupakan sarjana dalam pelbagai bidang dan menghasilkan sebanyak 22 karya berkaitan fiqah Mazhab Maliki, hadith, pendidikan dan sebagainya. Beliau juga antara sarjana terawal menghasilkan karya khusus pendidikan iaitu kitab *Ādāb al-Mu‘allimīn*. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat al-Faytūrī, “Ārā’ al-Imāmayn Saḥnūn,” 231-243; ‘Abd al-Raḥmān Hijāzī, *al-Madhhab al-Tarbawī ‘inda Ibn Saḥnūn* (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1995), 21-46.

Ilmu adalah cahaya yang Allah campakkan ke dalam hati manusia, apabila dia beramal dengannya, Allah akan menjadikan hatinya bercahaya, sebaliknya jika dia tidak beramal hatinya tidak akan bercahaya.<sup>47</sup>

Muhammad bin Saḥnūn pula menjelaskan hal ini dalam tanggungjawab pengajaran solat. Beliau menyatakan para guru dan ibu bapa perlu mengajarkan ilmu berkaitan solat kepada anak-anak dan memerintahkan mereka agar mempraktikkannya bermula semenjak berusia tujuh tahun lagi. Suruhan ini selaras dengan hadith Nabi SAW dan pendapat daripada Mālik bin Anas.<sup>48</sup> Hal ini menjelaskan pengajaran teori sahaja menjadi kurang berkesan sekiranya tidak diikuti dengan perhatian terhadap amalan serta kualitinya.<sup>49</sup> Pandangan al-Qābisī (m.403H/1012M)<sup>50</sup> dalam hal ini juga selaras dengan pendapat Ibn Saḥnūn dan beliau juga agak terpengaruh dengan idea pendidikan yang dikemukakan oleh Ibn Saḥnūn.<sup>51</sup>

Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh sarjana kurun ke-4H seperti Ibn Khallād al-Rāmahurmuzī (m.360H/970M),<sup>52</sup>

---

<sup>47</sup> Dipetik daripada al-Faytūrī, “Ārā’ al-Imāmāyīn Saḥnūn,” 230.

<sup>48</sup> Lihat kitab *Ādāb al-Mu’allimīn* yang menjadi lampiran tulisan al-Ahwānī, Aḥmad Fu’ād al-Ahwānī, *al-Tarbiyyah fī al-Islām aw al-Ta’līm fī al-Ra’yi al-Qābisī* (Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1955), 360; Hijāzī, *al-Madhhab al-Tarbawī*, 129.

<sup>49</sup> Gamal Abdul Nasir Zakaria, *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam* (Kuantan: PTS Publication & Distributor, 2003), 35.

<sup>50</sup> Beliau ialah Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Khalaf al-Qābisī, dilahirkan pada tahun 324H dan meninggal dunia pada tahun 403H. Beliau merupakan sarjana dalam pelbagai bidang khususnya fiqh Mazhab Maliki dan juga pendidikan. Karya khusus beliau dalam bidang pendidikan ialah *al-Risālah al-Mufaṣṣalah li Aḥwal al-Mu’allimīn wa Aḥkām al-Mu’allimīn wa al-Muta’allimīn*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang beliau dan pemikiran pendidikannya, lihat al-Ahwānī, *al-Tarbiyyah fī al-Islām*, 9-42.

<sup>51</sup> Al-Ahwānī, *al-Tarbiyyah fī al-Islām*, 47. Lihat juga Gamal, *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*, 79.

<sup>52</sup> Beliau ialah Abū Muḥammad al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān bin Khallād al-Rāmahurmuzī, dilahirkan pada tahun 265H dan meninggal dunia pada tahun 360H. Beliau merupakan sarjana terawal yang menghasilkan karya khusus dalam bidang usul hadith iaitu *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā’ī*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang beliau serta pemikiran pendidikannya lihat muqaddimah suntingan kitab beliau, al-Ḥasan bin ‘Abd al-Raḥmān al-Rāmahurmuzī, *al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā’ī*, ed. Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb (Kaherah: Dār al-Fikr, 1981), 1-35; ‘Alī Khalīl Muṣṭafā Abū al-‘Aynayn, “Ihtimāmāt al-Tarbawiyah ‘inda Ibn Khallād



Abū Bakr al-Ājirī (m.360H/970M)<sup>53</sup> dan Abū al-Ḥasan al-‘Āmirī (m.381H/991M).<sup>54</sup> Al-Rāmahurmuzī mensyaratkan seseorang guru hendaklah sentiasa menyempurnakan segala gerak-geri mereka dengan amalan yang berkualiti sebagai refleksi daripada ilmu mereka.<sup>55</sup> Al-Ājirī pula menjelaskan perkaitan antara ilmu dan kualiti amalan ketika membincangkan mengenai akhlak golongan yang mendalami al-Qur’an, apabila beliau menggesa supaya mereka beramal dengan kandungan al-Qur’an yang dipelajari. Beliau seterusnya memetik tafsiran al-Qur’an yang menyifatkan mereka yang benar-benar membaca al-Qur’an adalah mereka yang mengamalkan kandungan al-Qur’an dengan sebenar-benarnya,<sup>56</sup> iaitu melalui amal-ibadat yang berkualiti dan bersungguh-sungguh.

Al-‘Āmirī pula menjelaskan ilmu yang diperlukan oleh manusia bukan hanya bersifat teori sahaja malah ia hendaklah dihubungkan dengan praktis, untuk merealisasikan manfaatnya

---

al-Rāmahurmuzī,” dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 29-62.

<sup>53</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Ḥusayn bin ‘Abd Allāh, dilahirkan di Baghdad dan meninggal dunia di Makkah pada tahun 306H. Beliau merupakan seorang ahli hadith, *thiqah*, dan menghasilkan pelbagai karya khasnya berkaitan akhlak. Antara karya beliau yang berkait dengan pendidikan ialah *Akhlāq Ḥamalat al-Qur’ān* dan juga *Akhlāq al-‘Ulamā’*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat muqaddimah suntingan kitabnya, Abū Bakr bin Ḥusayn al-Ājirī, *Akhlāq Ḥamalah al-Qur’ān*, ed. Majdī Fathī al-Sayyid (Tanta: Dār al-Ṣaḥābat li al-Turāth, 2008), 10-2.

<sup>54</sup> Beliau ialah Abū al-Ḥasan Muḥammad bin Abī Dhar Yūsuf al-‘Āmirī al-Naysabūrī, dilahirkan di Nishapur pada awal kurun ke-4H dan meninggal dunia pada tahun 381H. Beliau merupakan antara ahli falsafah Islam yang terkemuka pada kurun tersebut. Beliau juga banyak menghasilkan karya khasnya dalam bidang akidah dan perbandingan agama, tafsir al-Qur’an, akhlak, fizik dan juga pendidikan. Antara karya beliau berkaitan pendidikan ialah *al-Itmām bi Faḍā’il al-Anām* dan juga *al-I’lām bi Manāqib al-Islām*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat Aḥmad ‘Abd al-Ḥamīd Gharāb, “Abū al-Ḥasan al-‘Āmirī wa Ārā’uhu al-Tarbawīyah,” dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 89-124.

<sup>55</sup> Al-Rāmahurmuzī, *al-Muḥaddith al-Fāṣil*, 311. Lihat juga Abū al-‘Aynayn, “Ihtimāmāt al-Tarbawīyah,” 50.

<sup>56</sup> Al-Qur’an, al-Baqarah (2):121. Pentafsiran ini merupakan pendapat daripada ahli tafsir terkenal iaitu Mujāhid. Al-Ājirī memetik tafsiran ini daripada beliau. Lihat al-Ājirī, *Akhlāq Ḥamalah al-Qur’ān*, 18, 25 dan 38.

kepada manusia. Beliau seterusnya mengkritik golongan yang mendakwa bahawa pendidikan hanya bertujuan untuk memperoleh ilmu semata-mata kerana pada pandangan beliau ilmu merupakan prinsip kepada setiap amalan dan amalan pula adalah sebagai pelengkap kepada sesuatu ilmu, dengan maksud kelebihan ilmu tidak akan dicapai oleh seseorang melainkan setelah kualiti amalan mereka meningkat.<sup>57</sup>

Pandangan yang sama juga dapat dilihat dalam karya sarjana kurun ke-5H seperti Ibn ‘Abd al-Barr (m.463H/1070M),<sup>58</sup> al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H/1070M)<sup>59</sup> dan Ibn Ḥazm (m.456H/1063M).<sup>60</sup> Ibn ‘Abd al-Barr dalam kitabnya *Jāmi‘ Bayān*

---

<sup>57</sup> Dipetik daripada Gharāb, “Abū al-Ḥasan al-‘Āmirī,” 94; Maḥmūd Qambar, “Hadfiyyah al-‘Ilm fī al-Islām,” dalam *Dirāsah Turāthiyyah fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (Doha: Dār al-Thaqāfah, 1992), 3:329-330.

<sup>58</sup> Beliau ialah Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr bin ‘Āṣīm al-Namarī al-Qurṭubī, dilahirkan pada 368H dan meninggal dunia pada 463H. Beliau merupakan sarjana yang mahir dalam bidang hadith dan juga fiqh Mazhab Maliki. Antara karya beliau dalam bidang hadith ialah *Tajrīd al-Tamhīd limā fī Muwaṭṭa’ min al-Ma‘ānī wa al-Asānīd*, *Kitāb al-Durar fī Ikhtisār Maghāzī wa al-Siyar*, *al-Isṭī‘āb fī Ma‘rifah al-Ashāb* dan *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlihi*. Karya beliau dalam bidang fiqh antaranya ialah *al-Kāfi fī Fiqh Ahli al-Madīnah al-Mālikī*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang beliau dan pemikiran pendidikannya, lihat ‘Abd al-Raḥmān al-Nahlāwī, “al-Imām Yūsuf bin ‘Abd al-Barr Tarjamatuhu wa Ihtimāmātuhu al-Fikriyyah wa al-Tarbawīyyah,” dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 2:297-322.

<sup>59</sup> Beliau ialah Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit bin Aḥmad bin Maḥdī, dilahirkan pada 392H dan meninggal dunia pada tahun 463H. Beliau banyak menghasilkan karya berkaitan *Muṣṭalah al-Ḥadīth* antaranya *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah* dan *al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi‘*. Selain itu, terdapat karya yang lain berkaitan adab seseorang ahli hadith seperti kitab *Iqtidā’ al-‘Ilm al-‘Amal*, *Naṣīḥat Ahli al-Ḥadīth*, *al-Riḥlah fī Ṭalab al-Ḥadīth* dan sebagainya. Untuk maklumat lanjut mengenai beliau, lihat Akram Diyā’ al-‘Umarī, “al-Khaṭīb al-Baghdādī Sirātuhu al-Dhātīyyah, Bī’atuhu al-Ḥadāriyyah, Intājuhu al-Fikrī wa Ihtimāmātuhu al-Tarbawīyyah,” dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 2:325-345.

<sup>60</sup> Beliau ialah ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd ibn Ḥazm, dilahirkan di Cordova pada tahun 384H, dan meninggal dunia pada tahun 456H. Beliau merupakan sarjana dalam pelbagai bidang seperti akidah, perbandingan agama, fiqh, falsafah, akhlak, pendidikan dan sebagainya. Antara karya beliau yang berkaitan akhlak dan pendidikan ialah *al-Akhlāq wa al-Siyār fī Mudāwāh al-Nufūs* dan *Ṭūq al-Ḥamāmah*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat Sa‘īd al-Afghānī, “al-Tarbiyyah ‘inda Ibn Ḥazm,”

*al-'Ilm wa Faḍlihi* menjelaskan tujuan tersebut dalam satu bab yang khusus iaitu *Bāb Jāmi' al-Qawl fī al-'Amal bi al-'Ilm*,<sup>61</sup> manakala al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H/1070M) pula membincangkannya dalam karya khas beliau yang bertajuk *Iqtidā' al-'Ilm al-'Amal*.<sup>62</sup> Berikutnya Ibn Ḥazm menegaskan bahawa, Wajib kepada manusia mengajarkan kebaikan (termasuk juga ilmu) kepada orang lain serta mereka juga hendaklah mengamalkannya.

Beliau kemudiannya membahagikan manusia kepada empat golongan; pertama, orang yang menggabungkan antara ilmu dan amalan, dan merupakan golongan yang mendapat kelebihan kedua-dua ilmu dan amalan; kedua, orang yang mempunyai ilmu tetapi tidak beramal dengannya, dan merupakan golongan yang mencampurkan antara kebaikan belajar dengan keburukan meninggalkan amalan; ketiga, orang yang tidak mempunyai ilmu dan tidak juga beramal, dan merupakan golongan yang tidak mempunyai kebaikan sedikitpun pada diri mereka; keempat, orang yang paling tercela, iaitu golongan yang bukan sahaja tidak mempunyai ilmu dan amalan, malah mencegah serta menghalang orang lain daripada menuntut ilmu dan berbuat amal.<sup>63</sup>

Berikutnya, sarjana Islam yang boleh dikatakan paling terkemuka, iaitu Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m.505H/1111M), turut memberi perhatian yang amat sangat terhadap kualiti amalan dan hubungannya dengan ilmu.<sup>64</sup> Al-Ghazālī menegaskan bahawa para

---

dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 2:265-293; dan juga muqaddimah suntingan karya beliau, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad ibn Ḥazm al-Andalusī, *al-Akhlāq wa al-Siyar fī Mudāwāh al-Nufūs*, ed. al-Ṭāhir Aḥmad Makkī, c. 2 (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 1992), 9-41.

<sup>61</sup> Lihat Ibn 'Abd al-Barr, *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Faḍlih*, 2:4-20. Lihat juga al-Naḥlāwī, "al-Imām Yūsuf bin 'Abd al-Barr," 2:302.

<sup>62</sup> Lihat al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Iqtidā' al-'Ilm al-'Amal*, 46-63. Lihat juga al-'Umārī, "al-Khaṭīb al-Baghdādī," 334.

<sup>63</sup> Ibn Ḥazm al-Andalusī, *al-Akhlāq wa al-Siyar*, 257, 258 dan 260. Lihat juga al-Afghānī, "al-Tarbiyyah 'inda Ibn Ḥazm," 277-8 dan 288.

<sup>64</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Ghazālī, dilahirkan di Ṭūş pada tahun 450H dan meninggal dunia pada tahun 505H. Beliau merupakan sarjana dalam pelbagai bidang seperti akidah, falsafah, tasawuf, fiqh dan usul fiqh, serta pendidikan. Ketokohan beliau diiktiraf sepanjang zaman sehingga beliau digelar sebagai *Hujjah al-Islām*. Beliau juga banyak menghasilkan karya. Antara karya beliau berkaitan pendidikan ialah *Ayyuhā al-Walad, Mīzān al-'Amal, Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan sebagainya. Untuk

pelajar hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajarinya, dan beliau menyifatkan “ilmu tanpa amalan adalah perbuatan gila, manakala amalan yang dilakukan tanpa ilmu pula adalah sia-sia.”<sup>65</sup> Kenyataan ini menjelaskan bahawa hubungan ilmu dan amalan itu sangat erat, menjadikan usaha menuntut ilmu tanpa bertujuan untuk meningkatkan kualiti amalan ataupun beramal tanpa adanya ilmu adalah suatu usaha yang gila dan sia-sia, kerana amalan yang berkualiti berdasarkan ilmu dan kefahaman sahaja yang akan membawa kepada kebahagiaan sama ada di dunia mahupun di akhirat.<sup>66</sup> Beliau seterusnya berpesan kepada para pelajar dengan mengatakan,

Jika seseorang menyangka bahawa ilmu hanyalah semata-mata ilmu yang terpisah daripada amalan, mereka mungkin tidak sedar bahawa sesiapa yang mempelajari ilmu dan tidak beramal dengannya maka ilmu itu akan menjadi hujah kepada dirinya sendiri sebagaimana sabda Nabi SAW, “Orang yang berat azabnya pada Hari Kiamat ialah orang alim tetapi tidak beramal dengan ilmunya.”<sup>67</sup>

Di samping itu, al-Ghazālī juga mengatakan, Walaupun seseorang itu membaca selama 100 tahun, mengumpul 1000 kitab, namun dia tidak akan mendapat

---

penjelasan lanjut mengenai latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat Fā'iz Muḥammad 'Alī al-Ḥājj, “Abū Ḥāmid al-Ghazālī,” dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabīyyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 3:29-57; 'Abd al-Amīr Shams al-Dīn, *al-Fikr al-Tarbawī 'inda al-Ghazālī* (Beirut: al-Sharkah al-'Ālamiyyah li al-Kitāb, 1990), 13-20.

<sup>65</sup> Lihat teks *Ayyuhā al-Walad* dalam, 'Abd al-Ghanī 'Abūd, *al-Fikr al-Tarbawī 'inda al-Ghazālī kamā Yabdū min Risālatihi Ayyuhā al-Walad* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1982), 113; Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ayyuhal Walad*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Alor Setar: Khazanah Banjariah, 2005), 29. Lihat juga al-Kīlānī, *Tatawwur Maḥfūm*, 171; Shams al-Dīn, *al-Fikr al-Tarbawī*, 213.

<sup>66</sup> Al-Ghazālī menjelaskan hubungan ini dalam kitab beliau bertajuk *Mīzān al-'Amal* khususnya pada bab *Bayān Inna Ṭarīq al-Sa'ādah al-'Ilm wa al-'Amal*. Lihat Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Mīzān al-'Amal*, ed. Sulaymān Dunyā (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 1964), 194-7.

<sup>67</sup> 'Abūd, *al-Fikr al-Tarbawī 'inda al-Ghazālī*, 62-74; Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Ayyuhal Walad*, 13-4; Shams al-Dīn, *al-Fikr al-Tarbawī*, 210.

rahmat Allah SWT melainkan setelah dia beramal dengannya.<sup>68</sup>

Al-Ghazālī juga menyatakan bahawa “jika manusia tidak beramal, mereka pastinya tidak akan beroleh pahala sedikitpun.”<sup>69</sup> Beliau kemudiannya menegaskan bahawa seseorang guru hendaklah mengamalkan apa yang dia katakan terlebih dahulu barulah dia boleh mengajar dan memperingatkan orang lain,<sup>70</sup> yang dengan kriteria ini dia akan diiktiraf sebagai guru murshid yang sebenar.<sup>71</sup>

Setelah al-Ghazālī, Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, (m.620H/1223M) yang merupakan sarjana kurun ke-7H, juga menegaskan tujuan pendidikan yang sama dengan Abū Ḥanīfah. Beliau menukulkan kata-kata Abū Ḥanīfah sendiri dalam menjelaskan hubungan erat antara ilmu dan amalan sebagai tujuan pendidikan.<sup>72</sup> Menguatkan lagi pandangan ini, beliau menegaskan bahawa ilmu yang wajib dipelajari dan didahulukan ialah ilmu yang berkait dengan amalan secara langsung, yang beliau istilahkan sebagai *‘ilm al-ḥāl*. Ilmu itu adalah wajib dipelajari pada awal usia lagi untuk membolehkan seseorang pelajar menunaikan kewajipan mereka terutamanya kewajipan berbentuk amalan seperti solat, puasa, zakat dan haji atau kewajipan berkaitan muamalat dan amalan hati.<sup>73</sup>

Pada kurun ke-8H, Ibn Jamā‘ah al-Kinānī (m.733H/1332M),<sup>74</sup> al-Dhahabī (m.748H/1347M)<sup>75</sup> dan Tāj al-Dīn

---

<sup>68</sup> ‘Abūd, *al-Fikr al-Tarbawī ‘inda al-Ghazālī*, 75-7; al-Ghazālī, *Ayyuhal Walad*, 16.

<sup>69</sup> ‘Abūd, *al-Fikr al-Tarbawī ‘inda al-Ghazālī*, 89; al-Ghazālī, *Ayyuhal Walad*, 22-4; Shams al-Dīn, *al-Fikr al-Tarbawī*, 212.

<sup>70</sup> ‘Abūd, *al-Fikr al-Tarbawī ‘inda al-Ghazālī*, 214. al-Ghazālī, *Ayyuhal Walad*, 69; Shams al-Dīn, *al-Fikr al-Tarbawī*, 223.

<sup>71</sup> Al-Ghazālī, *Ayyuhal Walad*, 88; Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, “al-Adab fī al-Dīn,” dalam *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Ghazālī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 91. Lihat juga Shams al-Dīn, *al-Fikr al-Tarbawī*, 52, 179 dan 232; Maḥmūd Qambar, “Hadfiyyah al-‘Ilm,” 3:329.

<sup>72</sup> Al-Zarnūjī, *Ta’līm al-Muta’allim*, 32. Lihat juga al-Bāzārī, *Tafhīm al-Muta’fahhim*, 52.

<sup>73</sup> Al-Zarnūjī, *Ta’līm al-Muta’allim*, 27-8. Lihat juga al-Bāzārī, *Tafhīm al-Muta’fahhim*, 24-29.

<sup>74</sup> Beliau ialah Badr al-Dīn Muḥammad bin Ibrāhīm ibn Jamā‘ah al-Kinānī, dilahirkan pada 639H dan meninggal dunia pada tahun 733H. Beliau merupakan sarjana dalam pelbagai bidang khususnya fiqah Mazhab Shafī‘i.

al-Subkī (m.771H/1369M)<sup>76</sup> juga menegaskan wujudnya hubungan erat antara ilmu dan amalan. Ibn Jamā'ah menyatakan bahawa amalan yang berkualiti merupakan adab yang mesti dilazimi oleh seseorang guru. Beliau juga menegaskan setiap guru hendaklah menjaga syiar-syiar Islam, sentiasa menunaikan amalan wajib mahupun sunat,<sup>77</sup> dan mereka tidak sepatutnya membuang masa, selain daripada memperoleh ilmu dan meningkatkan amalan, kerana amalan dan peningkatan kualitinya adalah tujuan mempelajari sesuatu ilmu.<sup>78</sup> Al-Dhahabī pula menyenaraikan antara dosa-dosa besar ialah perbuatan mengumpul ilmu tetapi tidak beramal dengannya.<sup>79</sup> Begitu juga dengan al-Subkī yang

---

Karya beliau berkait pendidikan ialah *Tadhkirah al-Sāmi' wa al-Mutakallim fī Adab al-'Alim wa al-Muta'allim*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat Hasan Ibrāhīm 'Abd al-'Āl, "al-Fikr al-Tarbawī 'inda Badr al-Dīn Ibn Jamā'ah," dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 1:275-319; 'Abd al-Amīr Shams al-Dīn, *al-Madhhab al-Tarbawī 'inda Ibn Jamā'ah* (Beirut: al-Sharkah al-'Ālamiyyah li al-Kitāb, t.t.), 14; Abudin Nata, *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam* (Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2000), 111-127.

<sup>75</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān bin Qaymāz bin al-Shaykh 'Abd Allāh, dilahirkan pada 673H dan meninggal dunia pada tahun 748H. Beliau merupakan sarjana yang mahir dalam pelbagai bidang khususnya bidang sejarah dan hadīth. Antara karya beliau berkait rapat dengan bidang pendidikan ialah *Bayān Zaghl al-'Ilm wa al-Ṭalab*. Untuk penjelasan lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat 'Abd al-Rahmān al-Naḥlāwī, "al-Imām Muḥammad al-Dhahabī Tarjamatuhu wa Ba'da 'Ārā'ihī wa Asālibihī al-Tarbawīyah," *Dirāsah Tahliyyah Tārikhiyyah*," dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 4:29-65.

<sup>76</sup> Beliau ialah 'Abd al-Wahhāb bin 'Alī bin 'Abd al-Kāfi, dilahirkan di Kaherah pada tahun 727H dan meninggal dunia pada tahun 771H. Beliau merupakan sarjana dalam pelbagai bidang termasuklah fiqh Mazhab Shafī'i, hadīth dan sebagainya. Antara karya beliau berkait pendidikan ialah *Mu'īd al-Ni'am wa Mabīd al-Niqām*. Untuk penjelasan lanjut tentang latar belakang dan pemikiran pendidikan beliau, lihat 'Abd al-Rahmān al-Naḥlāwī, "al-Tāj al-Subkī Ihtimāmātuhu al-Tarbawīyah," dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabīyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 4:89-118.

<sup>77</sup> Ibn Jamā'ah al-Kinānī, *Tadhkirah al-Sāmi'*, 78-9.

<sup>78</sup> Ibn Jamā'ah al-Kinānī, *Tadhkirah al-Sāmi'*, 83.

<sup>79</sup> Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *al-Kabā'ir wa Tabyīn al-Maḥārim*, ed. Sayyid Ibrāhīm (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1993), 130. Lihat juga al-Naḥlāwī, "al-Imām Muḥammad al-Dhahabī," 4:34.

berpendapat bahawa orang yang berilmu tetapi tidak beramal dengannya tidak selayaknya dianggap sebagai ilmuwan Islam. Mereka sebenarnya merupakan golongan yang tidak mengetahui dan tidak mempunyai ilmu yang tepat.<sup>80</sup> Beliau seterusnya mengkritik pelajar-pelajar hadith yang hanya berlumba-lumba meriwayatkan hadith tanpa bersungguh-sungguh memahaminya dan prihatin untuk beramal dengannya.<sup>81</sup> Justeru, aspek peningkatan amalan dan kualitasnya merupakan perkara yang amat ditekankan oleh sarjana kurun ke-8H ini.

Seorang tokoh fiqah beraliran Hanafi pada kurun ke-9H iaitu Ibn Hammām (m.861H/1456M)<sup>82</sup> juga mendukung pendapat yang sama. Beliau menyatakan seseorang guru mestilah merupakan seorang yang alim dan beramal, kerana seorang yang berilmu dan tidak beramal lebih teruk azabnya daripada orang yang jahil.<sup>83</sup> Sarjana Islam kurun ke-10H iaitu ‘Abd al-Bāsiṭ al-‘Almawī (m.981H/1573M)<sup>84</sup> pula berpendapat seseorang mestilah menanam niat ketika belajar hanyalah bertujuan kerana Allah SWT, untuk mengamalkannya dan untuk menghidupkan syariatNya.<sup>85</sup> Beliau juga menegaskan para alim dan guru hendaklah mengamalkan ilmunya dan amalannya itu hendaklah selari dengan ilmunya.<sup>86</sup>

---

<sup>80</sup> Dipetik daripada al-Nahlāwī, “al-Tāj al-Subkī,” 4:96-7.

<sup>81</sup> Al-Nahlāwī, “al-Tāj al-Subkī,” 4:99-100.

<sup>82</sup> Beliau ialah Muḥammad bin ‘Abd al-Wāḥid bin ‘Abd al-Majīd Kamāl al-Dīn, juga dikenali dengan Ibn al-Hammām al-Saywāsī. Beliau dilahirkan pada tahun 788H dan meninggal dunia pada tahun 861H. Beliau seorang yang terkenal dan mahir dalam bidang fiqah Mazhab Hanafi melalui karya beliau *Fath al-Qadīr*. Selain itu, beliau juga mempunyai beberapa karya lain seperti *al-Musāyirah fī al-‘Aqā’id*, *Zād al-Faqīr* dan *Risālah fī l-rāb Subḥāna Allāh wa bi Ḥamdih*. Untuk maklumat ringkas mengenai latar belakang beliau, lihat ‘Abd al-‘Azīz, *al-Turāth al-Tarbawī*, 113.

<sup>83</sup> ‘Abd al-‘Azīz, *al-Turāth al-Tarbawī*, 141.

<sup>84</sup> Beliau ialah ‘Abd al-Basiṭ bin Sharf al-Dīn Mūsā al-‘Almawī al-Shāfi‘ī, dilahirkan pada tahun 907H dan meninggal dunia pada tahun 981H. Antara karya beliau dalam bidang pendidikan ialah *al-Mu‘īd fī Adab al-Muḥīd wa al-Mustaḥīd*, *Mukhtaṣar Tanbīh al-Talib wa Irshād al-Dāris* dan *al-‘Aqd al-Talīd fī Ikhtīṣar al-Dūrr al-Naḍīd*. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat muqaddimah suntingan kitabnya al-‘Almawī, *al-Mu‘īd fī Adab*, 19-21.

<sup>85</sup> Al-‘Almawī, *al-Mu‘īd fī Adab*, 131.

<sup>86</sup> Al-‘Almawī, *al-Mu‘īd fī Adab*, 131.

Selain mereka semua, Hājī Khalīfah (m.1067H/1656M)<sup>87</sup> menyatakan sifat seorang guru hendaklah menyatukan antara ilmu dan amalan,<sup>88</sup> manakala para pelajar pula mestilah menanam niat ketika belajar hanyalah bertujuan untuk mengamalkan ilmu tersebut dengan ikhlas kerana Allah SWT.<sup>89</sup> Beliau seterusnya menyatakan bahawa antara tujuan pendidikan ialah untuk mengetahui hakikat sesuatu dan juga mendidik akhlak manusia, yang kedua-dua tujuan ini pastinya akan dicapai dengan gabungan antara ilmu dan amalan yang berkualiti.<sup>90</sup>

Semua pendapat di atas menunjukkan bahawa hubungan antara ilmu dan amalan adalah terlalu erat dan kedua-duanya adalah unsur penting dalam tujuan pendidikan. Pembentangan ini juga menunjukkan bahawa tujuan pendidikan untuk meningkatkan kualiti amalan sebagaimana pendapat Abū Ḥanīfah adalah selaras dengan pendapat para Sahabat Nabi SAW dan sejumlah para sarjana Islam bermula dari kurun kedua sehingga kurun ke-11H. Mereka menegaskan pendirian yang hampir serupa, sama ada melalui kenyataan yang diriwayatkan mahupun tulisan-tulisan mereka. Justeru, tujuan ini boleh dianggap telah disepakati oleh sejumlah sarjana Islam, yang didukung dan dikembangkan lagi pada kurun-kurun berikutnya khasnya selepas Abū Ḥanīfah.

---

<sup>87</sup> Beliau ialah Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh juga dikenali dengan gelaran Hājī Khalīfah atau Kātib Celabī. Beliau dilahirkan pada tahun 1017H dan meninggal dunia pada tahun 1067H di Istanbul. Beliau menghasilkan sejumlah karya dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah akidah, sejarah, geografi dan biografi para tokoh Islam. Antara pemikiran beliau dalam bidang pendidikan boleh dilihat dalam mukadimah karya beliau iaitu *Kashf al-Zunūn*. Untuk maklumat lanjut mengenai latar belakang beliau, lihat dalam pengenalan kitabnya, Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh Hājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn* (Baghdad: Maktabah al-Muthannā, t.t.), 1-18. Lihat juga ‘Imād al-Dīn Khalīl, “Hājī Khalīfah,” dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyah al-Islāmiyyah* (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988), 4:175-7.

<sup>88</sup> Lihat Khalīl, “Hājī Khalīfah,” 185.

<sup>89</sup> Hājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn*, 45.

<sup>90</sup> Hājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn*, 22 dan 53. Lihat juga Sulaymān Ishāq Muḥammad ‘Aṭiyyah, *Buḥūth fi al-Tarbiyyah min Kashf al-Zunūn* (Kaherah: Maktabah al-Anjilū al-Miṣriyyah, 1995), 1:25, lihat juga 15-8.



## Penutup

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa salah satu tujuan pendidikan menurut Abū Ḥanīfah ialah meningkatkan kualiti amalan. Ia telah difahami berdasarkan karya Abū Ḥanīfah khasnya kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* serta beberapa petikan kenyataan beliau daripada nukilan para sarjana Islam. Di samping itu, tujuan ini juga merupakan rumusan daripada pandangan Abū Ḥanīfah tentang ilmu, amalan dan hubungan antara kedua-duanya, yang mana kualiti amalan itu adalah bergantung kepada ilmu seseorang. Oleh itu, bagi Abū Ḥanīfah, persoalan peningkatan kualiti amalan ini adalah berpaksikan dan berhubungan langsung dengan pemerolehan ilmu dan kefahaman yang sempurna.<sup>91</sup>

Dengan ini, ia juga pastinya merupakan salah satu daripada tujuan yang perlu diperhatikan dalam proses pendidikan Islam. Inilah yang diketengahkan oleh Abū Ḥanīfah sebagai salah satu daripada tujuan pendidikan dan ia telah dinyatakan dengan jelas dalam karya-karya serta pendapat beliau. Hasil daripada penelitian terhadap sejumlah sarjana Muslim selepas Abū Ḥanīfah, khasnya bermula kurun kedua sehingga kurun ke-11H, didapati bahawa tujuan pendidikan ini juga turut dinyatakan oleh mereka dengan beberapa penambahan dibuat sesuai dengan perkembangan ilmu dan zaman mereka, bahkan boleh dikatakan bahawa ia sebenarnya adalah hasil daripada kefahaman mereka yang mendalam terhadap al-Qur’an, al-Sunnah dan kenyataan para Sahabat Nabi r.a. berkaitan konsep pendidikan dalam Islam.

## Bibliografi

Al-Qur’an.

‘Abd al-‘Āl, Ḥasan Ibrāhīm. “Al-Fikr al-Tarbawī ‘inda Badr al-Dīn Ibn Jamā‘ah.” Dalam *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabi li Duwal al-Khalīj, 1988.

---

<sup>91</sup> Berkenaan hal ini sebagai salah satu tujuan pendidikan penulis telah jelaskan dalam beberapa penulisan yang lain terutamanya dalam tesis yang dikemukakan untuk memenuhi ijazah PhD. Lihat Mohd Anuar Mamat, “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran menurut Abū Ḥanīfah (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, Terjemahan dan Analisis,” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

- ‘Abd al-‘Azīz, Aymān Muḥammad. *Al-Turāth al-Tarbawī fī al-Madhab al-Ḥanafī*. Iskandariyyah: Maktabah al-‘Ilm wa al-Imān, 2008.
- ‘Abūd, ‘Abd al-Ghanī. *Al-Fikr al-Tarbawī ‘inda al-Ghazālī kamā Yabdū min Risālatihi Ayyuhā al-Walad*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1982.
- ‘Alī al-Ḥājī, Fā’iz Muḥammad. “Abū Ḥāmid al-Ghazālī.” Dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- A.L. Tibawi. *Islamic Education: Its Traditions and Modernization into the Arab National Systems*. London: Luzac & Company, 1972.
- Abū al-‘Aynayn, ‘Alī Khalīl Muṣṭafā. “Ihtimāmāt al-Tarbawiyah ‘inda Ibn Khallād al-Rāmahurmuzī.” Dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- \_\_\_\_\_. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah fī al-Qur’ān al-Karīm*. Madinah: Maktabah Ibrāhīm Ḥalabī 1988.
- Abū Ḥanīfah, al-Nu‘man bin Thabit. “Waṣiyyah.” Dalam *al-‘Ālim wa al-Muta’allim*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.
- \_\_\_\_\_. “Al-Fiqh al-Absaṭ.” Dalam *al-‘Ālim wa al-Muta’allim*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Al-‘Ālim wa al-Muta’allim*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001.
- Abudin Nata. *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, 2000.
- Aḥmad, Luṭfī Barakāt. *Al-Mawsū‘ah al-Tarbawiyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, 2004.
- Al-‘Almawī, ‘Abd al-Bāsiṭ bin Mūṣā. *Al-Mu’īd fī Adab al-Mufīd wa al-Mustafīd*, ed. Marwān al-‘Aṭiyyah. Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 2004.
- Al-‘Umarī, Akram Diyā’. “Al-Khaṭīb al-Baghdādī Sīratuhu al-Dhātiyyah, Bi’ātuhu al-Ḥaḍāriyyah, Intājuhu al-Fikrī wa Ihtimāmātu al-Tarbawiyah.” Dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.

- Al-Afghānī, Sa'īd. "Al-Tarbiyyah 'inda Ibn Hazm." Dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- Al-Ahwānī, Aḥmad Fu'ād. *Al-Tarbiyyah fī al-Islām aw al-Ta'līm fī al-Ra'yi al-Qābisī*. Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1955.
- Al-Ājiri, Abū Bakr bin Ḥusayn. *Akhlāq Ḥamalah al-Qur'ān*, ed. Majdī Fathī al-Sayyid. Tanta: Dār al-Ṣaḥābat li al-Turāth, 2008.
- Al-Albānī, Wahbī Sulaymān Ghāwījī. *Abū Ḥanīfah: Imām A'immah al-Fuqahā'*, c.2. Beirut: Dār al-Qalam, 1978.
- Al-Bābartī, Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad. *Sharḥ Waṣiyyah Abī Ḥanīfah*, ed. Muḥammad Ṣubḥī al-'Āyidī dan Hamzah Muḥammad Wasīm al-Bakrī. Amman: Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2009.
- Al-Baghdādī al-Babānī, Ismā'il Bāshā. *Hadiyyah al-'Ārifīn: Asmā' al-Mu'allafīn wa Āthār al-Muṣannaḥīn*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955.
- Al-Bāzārī, Ismā'il bin 'Uthmān. *Tafhīm al-Mutafahhim Sharḥ Ta'līm al-Muta'allim*. Makhachkala: Dār al-Risālah, t.t.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il. "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī." Dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad. *Al-Kabā'ir wa Tabyīn al-Maḥārim*, ed. Sayyid Ibrāhīm. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1993.
- \_\_\_\_\_. *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-Arnout dan Ḥusayn Asad, c.11. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1996.
- \_\_\_\_\_. *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, ed. 'Alī Muḥammad al-Bajāwī. Kaherah: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Diqr, 'Abd al-Ghanī. "'Abd Allāh bin Mas'ūd." Dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- \_\_\_\_\_. "Al-Imām al-Shāfi'ī." Dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- Al-Faytūrī, Shādhilī. "Ārā' al-Imāmayn Ṣaḥnūn wa Ibnihī Muḥammad fī al-Tarbiyyah." Dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad. “Al-Adab fī al-Dīn.” Dalam *Majmū‘ah Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988.
- \_\_\_\_\_. *Ayyuhal Walad*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam. Kedah: Khazanah Banjariah, 2005.
- \_\_\_\_\_. *Mizān al-‘Amal*, ed. Sulaymān Dunyā. Misr: Dār al-Ma‘ārif, 1964.
- Al-Ḥanbalī, ‘Abd al-Ḥayy bin Aḥmad. *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- Al-Isfarāyīnī, Abū al-Muẓfir. *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah ‘an Firqah al-Hālikīn*, ed. Muḥammad Zāhid bin Ḥasan al-Kawtharī. t.t.p: Maṭba‘ah al-Anwār, 1940.
- Al-Jamalī, Muḥammad Faḍīl. *Tarbiyyah al-Insān al-Jadīd*. Tunis: al-Saharkah al-Tūnisiyyah li al-Tawzī‘, 1967.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Aḥmad bin ‘Alī. *Iqtidā’ al-‘Ilm al-‘Amal*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1969.
- Al-Kīlānī, Mājid ‘Irsān. *Taṭawwur Maṣhūm al-Nazariyyah al-Tarbawīyyah al-Islāmiyyah*, c.2. Madīnah: Maktabah Dār al-Turāth, 1987.
- Al-Kurdarī, Ḥāfiẓ al-Dīn bin Muḥammad. *Manāqib Abī Hanīfah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1981.
- Al-Makkī, al-Muwaffaq bin Aḥmad. *Manāqib Abī Hanīfah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1981.
- Al-Maymān, Badriyyah Ṣāliḥ ‘Abd al-Raḥmān. *Naḥwa Ta’ṣīl Islāmī li Maṣhūmay al-Tarbiyyah wa Ahdāfuhā: Dirāsah fī al-Ta’ṣīl al-Islāmī li al-Maṣāhīm*. Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2002.
- Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj Yūsuf. *Tahdhīb al-Kamāl*, ed. Bashshār ‘Iwād Ma‘rūf. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah, 2002.
- Al-Naḥlāwī, ‘Abd al-Raḥmān. “Al-Imām Muḥammad al-Dhahabī Tarjamatuhu wa Ba‘da Ārā’ihi wa Asālībihi al-Tarbawīyyah: Dirāsah Taḥlīliyyah Tārīkhiyyah.” Dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- \_\_\_\_\_. “Al-Imām Yūsuf bin ‘Abd al-Barr Tarjamatuhu wa Ihtimāmātuhu al-Fikriyyah wa al-Tarbawīyyah.” Dalam *Min*

- A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- \_\_\_\_\_. "Al-Tāj al-Subkī Ihtimāmātuhi al-Tarbawiyah." Dalam *Min A'lām al-Tarbiyyah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- \_\_\_\_\_. *Uṣūl al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Asālībihā fī al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 1987.
- Al-Nawāwī, Sharaf al-Dīn. *Muqaddimah al-Imām al-Nawāwī li Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*, ed. Muḥammad Muḥammad Yūsuf Tāmir. Ajuzah: Maktabah al-Imān, t.t.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Rasūl wa al-'Ilm*, c.2. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006.
- Al-Rāmahurmuzī, al-Ḥasan bin 'Abd al-Raḥmān. *Al-Muḥaddith al-Fāṣil bayna al-Rāwī wa al-Wā'ī*, ed. Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb. Kaherah: Dār al-Fikr, 1981.
- Al-Ṣaymarī, Abū 'Abd Allāh Ḥusayn bin 'Alī. *Akhbār Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābuh*, c.2. t.tp.: 'Ālam al-Kutub, 1985.
- Al-Sayyid Bakr, 'Abd al-Jawwād. *Falsafah al-Tarbiyyah fī al-Hadīth al-Sharīf*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1983.
- Al-Shaybānī, 'Umar Muḥammad al-Tūmī. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Tripoli: al-Sharkah al-'Āmmah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1975.
- Al-Shaybānī, al-Mubārak bin Muḥammad. *Al-Mukhtār min Manāqib al-Akhyār li Ibn Athīr*, ed. Ma'mūn al-Ṣāghirjī, 'Adnān 'Abd Rabbih dan Muḥammad Adīb al-Jādir. Dubai: Markaz Zāyid li al-Turāth wa al-Tārikh, 2003.
- Al-Tamīmī al-Dārī, Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir. *Al-Ṭabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Ḥanafiyah*, ed. 'Abd al-Fattāh Muḥammad al-Hilw. Riyadh: Dār al-Rifā'ī, 1983.
- Al-Yāfi'ī, 'Abd Allāh bin As'ad. *Mir'āt al-Jinān wa 'Ibrat al-Yaqazān fī Ma'rifat mā Yu'tabar min Ḥawādith al-Zamān*, ed. Khalīl Mansūr. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. *Ta'līm al-Muta'allim Ṭarīq al-Ta'allum*, ed. Muṣṭafā 'Āshūr. Bulaq: Kaherah, 1986.
- Brockelmann, Carl. *Tārikh al-Adab al-'Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī. Kaherah: Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, 1993.

- Daiber, Hans. *The Islamic Concept of Belief in the 4<sup>th</sup>/10<sup>th</sup> Century: Abū al-Layth al-Samarqandī's Commentary on Abū Ḥanīfa al-Fiqh al-Absaṭ, Introduction, Text and Commentary*. Tokyo: Tokyo University of Foreign Studies, 1995.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuantan: PTS Publication & Distributor, 2003.
- Gharāb, Aḥmad ‘Abd al-Ḥamīd. “Abū al-Ḥasan al-‘Āmirī wa Ārā’uhu al-Tarbawīyyah.” Dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- Gibb, H.A.R. dan Kramers, J.H. “Abū Ḥanīfa.” Dalam *Shorter Encyclopedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill, 1974.
- Hājī Khalīfah, Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh. *Kashf al-Zunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*. Baghdad: Maktabah al-Muthannā, t.t.
- Hijāzī, ‘Abd al-Raḥmān. *Al-Madhhab al-Tarbawī ‘inda Ibn Saḥnūn*. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1995.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allah, al-Namarī. *Al-Intiqā’ fī Faḍā’il al-Thalāthah al-A’immah al-Fuqahā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- \_\_\_\_\_. *Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlih*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd. “Sunan Ibn Mājah.” Dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Ibn al-Nadīm, Muḥammad bin Abū Ya‘qūb Ishāq. *Al-Fihrist*, ed. Yūsuf ‘Alī Ṭawīl. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1996.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. *Tahdhīb al-Tahdhīb*, ed. Ibrāhīm Zaybāq dan ‘Ādil Murshīd. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.
- \_\_\_\_\_. *Taqrīb al-Tahdhīb*, ed. Ṣalāḥ al-Dīn bin ‘Abd al-Mawjūd. Mansurah: Dār Ibn Rajab, 2004.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī, Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad. *Al-Khayrāt al-Ḥisān fī Manāqib al-Imām al-A’zam Abū Ḥanīfah al-Nu’mān*, ed. Muḥammad Nūr al-Dīn Marbū Banjar al-Makkī. Kaherah: Majlis al-Banjārī li al-Tafaqquh fī al-Dīn, 1997.

- Ibn Ḥazm al-Andalusī, Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad. *Al-Akhḫlāq wa al-Siyar fī Mudāwāh al-Nufūs*, ed. al-Ṭāhir Aḥmad Makkī, c.2. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, 1992.
- Ibn Jamā‘ah al-Kinānī, Badr al-Dīn Muḥammad bin Ibrāhīm. *Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fī Adab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, ed. ‘Abd al-Amīr Shams al-Dīn. Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyyah li al-Kitāb, t.t.
- Ibn Khallikān, Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad. *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*, ed. Iḥsān ‘Abbās. Beirut: Dār al-Thaqāfah, 1969.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm. *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*. Kaherah: Mu‘assasah al-Ḥalabī, 1968.
- Ibn Sa‘ad, Muhammad, al-Baghdādī. *Al-Ṭabaqāt al-Kubrā*. Beirut: Dar Ṣādir, t.t.
- Juynboll, Th. W. “*Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān*.” Dalam *Dā’irah al-Ma‘ārif al-Islāmiyyah*, terj. Aḥmad al-Shintāwī, Ibrāhīm Zakī Khurshid dan ‘Abd al-Ḥamīd Yūnus. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1933.
- Khalīl, ‘Imād al-Dīn. “Ḥājī Khalīfah.” Dalam *Min A‘lām al-Tarbiyyah al-‘Arabīyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Duwal al-Khalīj, 1988.
- Mohd Anuar Mamat. “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran menurut Abū Ḥanīfah (m.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*, Terjemahan dan Analisis.” Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- \_\_\_\_\_. “Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf: Suatu Pengenalan dan Suntingan Ilmiah.” Dalam *Prosiding Seminar Pemikiran Islam III*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- \_\_\_\_\_, Basri Husin dan Mohd Manawi Mohd Akib. “Prinsip-prinsip Ahli al-Sunnah dan al-Jama‘ah: Pengenalan dan Terjemahan Melayu *Wasiyyah* Imam Abu Hanifah.” Makalah Sisipan, Seminar Kebangsaan Pemikiran Islam II, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20-21 Julai 2010.
- Mok Soon Sang. *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Puchong: Penerbit Multimedia, 2009.

- Muḥammad ‘Aṭīyyah, Sulaymān Ishāq. *Buḥūth fī al-Tarbiyyah min Kashf al-Ẓunūn*. Kaherah: Maktabah al-Anjilū al-Miṣriyyah, 1995.
- Mursī, Muḥammad Munīr. *Falsafah al-Tarbiyyah Ittijāhuhā wa Madārisuhā*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub, 1982.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. “Ṣaḥīḥ Muslim.” Dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Mutawālī, Muṣṭafā Muḥammad. *Madkhal Ilā Tārīkh al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Riyadh: Dār al-Khirrījī, 1992.
- Qambar, Maḥmūd. “Ḥadfiyyah al-‘Ilm fī al-Islām.” Dalam *Dirāsah Turāthiyyah fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Doha: Dār al-Thaqāfah, 1992.
- Qutlubaghā, Zayn al-Dīn. *Tāj al-Tarājum fī Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*. Baghdad: Maṭba‘ah al-‘Ānī, 1962.
- Ṣāliḥ, ‘Abd Raḥmān. *Educational Theory: a Quranic Outlook*. Makkah: Umm al-Qura University, 1982.
- Schacht, J. “Abū Ḥanīfa an-Nu‘mān.” Dalam *The Encyclopedia of Islam*. Leiden: E. J. Brill, 1979.
- Sezgin, Fuat. *Tārīkh al-Turāth al-‘Arabī*, terj. Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī. Kaherah: Idārah al-Thaqāfah wa al-Nashr bi al-Jāmi‘ah, 1983.
- Shams al-Dīn, ‘Abd al-Amīr. *Al-Fikr al-Tarbawī ‘inda al-Ghazālī*. Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyyah li al-Kitāb, 1990.
- \_\_\_\_\_. *Al-Madhab al-Tarbawī ‘inda Ibn Jamā‘ah*. Beirut: al-Sharkah al-‘Ālamiyyah li al-Kitāb, t.t.
- Sidek Baba. *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari, 2006.
- Ṣubḥ, Muḥammad Aḥmad Jād. *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah: Dirāsah Muqāranah*. Beirut: Dar al-Jayl, 1993.
- Thomas, J. B. dan Marshall, A. R. *International Dictionary of Education*. London: Kogan Page, 1979.
- Tyler, Ralph W. *Basic Principles of Curriculum and Instruction*. Chicago: The University of Chicago Press, 1949.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Konsep Ilmu dalam Islam*, terj. Rosnani Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Wenstick, A.J. *The Muslim Creed: Its Genesis and Historical Development*. London: Frank Crass & Co., 1965.